

**POLISI UNIVERSITI INKLUSIF
PELAJAR ORANG KURANG UPAYA
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM)**

SEKALUNG PENGHARGAAN

Kementerian Pengajian Tinggi

Kementerian Pendidikan Malaysia

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat

Pengurusan Universiti Sains Islam Malaysia

Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Universiti Sains Islam Malaysia

Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum, Institut Sains Islam

Semua PTj Universiti Sains Islam Malaysia

Pelajar Orang Kurang Upaya, Universiti Sains Islam Malaysia

Semua Individu Perseorangan yang terlibat secara langsung atau tidak

dalam

Penghasilan Polisi Universiti Inklusif Pelajar Orang Kurang Upaya

Universiti Sains Islam Malaysia.

1.0 PENGENALAN

Orang Kurang Upaya merupakan seseorang yang mempunyai ketidakupayaan jangka masa panjang dari segi fizikal, mental, intelektual atau pancaindera yang apabila berhadapan dengan pelbagai halangan mungkin tidak dapat melibatkan diri sepenuhnya dan secara efektif dalam masyarakat (Pelan Tindakan OKU 2016-2022). Penyediaan Polisi Universiti Inklusif Pelajar Orang Kurang Upaya Universiti Sains Islam Malaysia ini merupakan rancangan tindakan yang telah dipersetujui secara rasmi sebagai asas untuk melaksanakan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui pelancaran Garis Panduan Pelaksanaan Dasar Inklusif Orang Kurang Upaya di Institusi Pendidikan Tinggi pada 5 September 2015 bagi meraikan secara sama rata hak Pelajar Orang Kurang Upaya di universiti. Hal ini juga selaras dengan agenda *University for Society* (U4S) diperingkat Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Universiti Awam di Malaysia.

USIM sepenuhnya menyokong dan mengiktiraf hak serta keperluan OKU untuk melanjutkan pengajian mereka hingga ke peringkat tertinggi selaras dengan hasrat USIM sebagai Kampus Barakah dan Falsafah USIM; Paduan antara ilmu Naqli dan Aqli serta budi pekerti yang mulia adalah teras utama membentuk generasi cemerlang dan masyarakat berilmu. Berdasarkan kepada Hadis Sahih Bukhari, No:2442; “Daripada Abdullah bin Umar r.a. menceritakan bahawa Rasulullah SAW bersabda: Seorang Muslim adalah saudara terhadap Muslim (yang lain), dia tidak boleh menzalimi dan tidak akan dianiaya oleh orang lain. Sesiapa yang melaksanakan hajat saudaranya, maka Allah SWT akan melaksanakan hajatnya. Sesiapa yang melapangkan kesusahan seseorang Muslim, maka Allah SWT akan melapangkan kesukarannya pada hari Kiamat. Sesiapa yang menutupi aib seseorang Muslim, maka Allah SWT akan menutup aibnya pada hari kiamat.” Hasrat murni ini jelas menunjukkan bahawa USIM mengambil serius isu keperluan Pelajar OKU dengan menyediakan keperluan daripada pelbagai aspek yang bersesuaian dengan kekuatan dan kelainan upaya mereka agar OKU tidak keciciran dalam menerima pendidikan.

Pihak universiti, sama ada daripada peringkat pengurusan tertinggi hinggalah kakitangan sokongan, amat komited untuk memberikan OKU peluang pendidikan yang adil untuk semua. Justeru, pihak USIM telah berusaha menyediakan persekitaran universiti yang mampu menyokong Pelajar OKU untuk turut sama menuntut ilmu dan berdikari dalam aspek rohani, sosial, emosi, dan persekitaran agar Pelajar OKU dapat menjalani kehidupan yang terbaik sepanjang berada di alam kampus. Perkara ini adalah selaras dengan Akta OKU 2008 dan United Nation Convention on The Rights of Persons with Disabilities (UN CRPD) yang menuntut semua institusi pendidikan di negara ini untuk memberikan peluang yang adil dan sama rata kepada OKU dan menyediakan kemudahan yang boleh dicapai OKU sepenuhnya.

Justeru, pihak USIM telah menggubal satu polisi khas berkaitan Pelajar OKU. Diharapkan agar polisi ini dapat menjamin hak dan keperluan Pelajar OKU serta mengukuhkan taraf pendidikan negara amnya.

2.0 OBJEKTIF POLISI

Polisi ini bermatlamat untuk:

- i. Mewujudkan persekitaran hidup beragama yang holistik dalam semua peringkat pelajar.
- ii. Mewujudkan infrastruktur mesra OKU yang menepati piawaian kod amalan reka bentuk sejagat, MS1184 (*Universal Design and Accessibility in the Built Environment – Code of Practice*) yang terkini.
- iii. Menyediakan persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang kondusif serta sistem penilaian yang adil dan efektif kepada semua kategori ketidakupayaan serta menepati reka bentuk sejagat (*Universal Design*).
- iv. Mewujudkan persekitaran berasaskan kasih sayang (*love*), hormat-menghormati (*respect*) dan kegembiraan (*happiness*).
- v. Menyediakan persekitaran kehidupan yang kondusif kepada semua kategori ketidakupayaan.
- vi. Mewujudkan sistem sokongan dan sukarelawan dalam kalangan warga USIM terutama pelajar tipikal agar lebih prihatin dan peduli terhadap OKU.
- vii. Memastikan penglibatan OKU secara inklusif dalam semua aktiviti dan program di dalam dan di luar kampus.
- viii. Menyediakan program pembangunan kerjaya bagi OKU.
- ix. Memantapkan kualiti hidup pelajar OKU.

3.0 PENGGUNAAN ISTILAH

- i. **Pelajar OKU** merujuk kepada semua pelajar berdaftar di Universiti Sains Islam Malaysia di setiap peringkat pengajian di USIM yang memiliki kekurangan atau ketidakupayaan dari segi fizikal, sensori, mental dan intelektual yang mana telah disahkan sebagai OKU dan memiliki Kad Pendaftaran OKU yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Istilah ini turut terpakai kepada pelajar antarabangsa yang telah disahkan pegawai perubatan sebagai OKU.
- ii. **Jawatankuasa Penyelarasan Warga Orang Kurang Upaya**, atau singkatannya JPWOKU, merupakan jawatankuasa tertinggi dalam struktur organisasi pentadbiran dan pengurusan hal ehwal Pelajar OKU di USIM.

- iii. **Unit Pelajar Orang Kurang Upaya** atau UPOKU ialah unit dalam struktur organisasi pentadbiran dan pengurusan hal ehwal Pelajar OKU di USIM. Unit ini merupakan pelaksana dan pengendali segala perancangan yang telah dibuat oleh pihak USIM, di samping berfungsi sebagai pusat rujukan dalam hal-hal berkaitan Pelajar OKU di Universiti ini.
- iv. **Pegawai Perhubungan Orang Kurang Upaya atau *Disability Liaison Officer (DLO)*** ialah kakitangan USIM yang dicadangkan oleh pusat tanggungjawab (PTJ) masing-masing dan menerima surat lantikan daripada Pengerusi JPWOKU.
- v. Penggunaan istilah-istilah lain seperti ketidakupayaan, aksesibiliti, dan penyesuaian munasabah (*reasonable accommodation*) adalah sama ertinya seperti yang termaktub dalam Akta OKU 2008 (Akta 685).

4.0 JAWATANKUASA PENYELARASAN WARGA ORANG KURANG UPAYA (JPWOKU)

Jawatankuasa Penyelarasan Warga Orang Kurang Upaya atau JPWOKU merupakan sebuah jawatankuasa tertinggi yang mengendalikan segala hal berkaitan Pelajar OKU dan pembangunan USIM sebagai sebuah universiti inklusif.

Ahli-ahli JPWOKU hendaklah terdiri daripada:

- i. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Sains Islam Malaysia selaku Pengerusi JPWOKU
- ii. Pendaftar
- iii. Ketua Pustakawan
- iv. Pengarah Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti
- v. Pengarah Jabatan Keselamatan
- vi. Pengarah Pusat Pemasaran dan Kemasukan Pelajar (PPKP)
- vii. Pengarah Pusat Kesihatan Universiti
- viii. Pengarah Pusat Komunikasi Strategik
- ix. Pengarah Pusat Jaminan Kualiti, Dasar dan Kecemerlangan Akademik (QAPEX)
- x. Pengarah Pusat Libatsama Masyarakat dan Jaringan Industri
- xi. Pengarah Pusat Penyelidikan Ibnu Umami Maktum (UMMI)
- xii. Pengarah Pusat Perumahan Pelajar
- xiii. Ketua Bahagian Pengurusan Akademik

- xiv. Timbalan-Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Fakulti
- xv. Pengetua-Pengetua Kolej Kediaman
- xvi. Pegawai Psikologi, Bahagian Hal Ehwal Pelajar
- xvii. Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (SHO)
- xviii. Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar selaku Setiausaha
- xix. Penolong Pendaftar, Unit Pelajar OKU, Bahagian Hal Ehwal Pelajar selaku Urus Setia
- xx. Dua (2) rakan strategik JPWOKU
- xxi. Satu (1) wakil pelajar (Majlis Perwakilan Pelajar)

Kekerapan Mesyuarat.

Sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun.

Terma Rujukan.

Merancang, mengurus dan melaksanakan polisi-polisi warga OKU meliputi perkara-perkara berikut:

- i. penyediaan polisi berkaitan pelajar OKU;
- ii. bantuan kewangan pelajar OKU di IPT yang disediakan oleh KPM;
- iii. urusan penajaan pelajar OKU;
- iv. keperluan penginapan pelajar OKU;
- v. keperluan pengangkutan pelajar OKU;
- vi. urusan aktiviti pelajar OKU,
- vii. keperluan akademik pelajar OKU;
- viii. keperluan peralatan bantuan pelajar OKU;
- ix. keperluan rawatan pelajar OKU;
- x. keperluan kaunseling pelajar OKU;
- xi. pemantauan dan audit kemudahan fasiliti pelajar OKU;
- xii. taklimat/latihan/pendedahan berkaitan hak-hak pelajar OKU; dan
- xiii. sistem MyU-OKU

5.0 SISTEM MYU-OKU

MyU-OKU merupakan sistem berasaskan web yang dibangunkan bertujuan untuk membantu Universiti Awam (UA) melaksanakan penilaian sendiri untuk menilai ketersediaan setiap UA dalam mewujudkan kampus inklusif. Sistem dibangun dan direkabentuk berdasarkan instrumen penilaian yang telah dihasilkan. Instrumen penilaian ini mempunyai senarai indikator yang boleh diguna pakai oleh setiap Universiti Awam (UA) untuk mengukur ketersediaan UA untuk menerima kemasukkan Pelajar OKU berteraskan kepada empat *domain* iaitu:

- i. Tadbir Urus
- ii. Pengajaran dan Pembelajaran
- iii. Perkhidmatan Sokongan
- iv. Aksesibiliti dan Ketersambungan Persekitaran Kampus

Sistem MyU-OKU boleh dirujuk :

- i. Oleh pentadbir UA untuk mengetahui tahap kebersediaan masing-masing agar langkah positif dapat diambil untuk mengadakan atau meningkatkan kebersediaan.
- ii. Oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mengetahui tahap kebersediaan UA dan ini akan dapat membantu menyediakan sokongan yang diperlukan.
- iii. Oleh pelajar OKU dan ibu bapa semasa atau sebelum permohonan memasuki UA melalui UPU dibuat.

6.0 UNIT PELAJAR ORANG KURANG UPAYA (UPOKU)

Unit Pelajar Orang Kurang Upaya atau UPOKU diletakkan di bawah Unit Penajaan, Kebajikan dan Tatatertib, Bahagian Hal Ehwal Pelajar USIM dan bertanggungjawab secara langsung kepada JPWOKU. Fungsi-fungsi UPOKU adalah seperti berikut:

- i. Menyelaras bantuan kewangan Pelajar OKU di IPT yang disediakan oleh KPM;
- ii. Menyelaras urusan penajaan Pelajar OKU;
- iii. Menyelaras keperluan penginapan Pelajar OKU;
- iv. Menyelaras keperluan pengangkutan Pelajar OKU;
- v. Menyelaras urusan aktiviti Pelajar OKU;
- vi. Menyelaras keperluan akademik Pelajar OKU;
- vii. Menyelaras keperluan peralatan bantuan Pelajar OKU;
- viii. Menyelaras keperluan rawatan Pelajar OKU;
- ix. Menyelaras keperluan kaunseling Pelajar OKU;

- x. Menyelaras pemantauan dan audit kemudahan fasiliti Pelajar OKU;
- xi. Menyelaras taklimat/ latihan/ pendedahan berkaitan hak-hak Pelajar OKU;
- xii. Menyelaras keperluan beribadat Pelajar OKU

Struktur organisasi UPOKU diletakkan di bawah Bahagian Hal Ehwal Pelajar dengan seliaan seorang Penolong Pendaftar (N41) dan seorang Pembantu Tadbir (N19). Pengambilan tenaga kerja tambahan boleh dilakukan berdasarkan keperluan dan peruntukan bagi membantu UPOKU menjalankan fungsi unit ini.

7.0 PEGAWAI PERHUBUNGAN ORANG KURANG UPAYA (*DISABILITY LIAISON OFFICER* (DLO))

Pegawai Perhubungan Orang Kurang Upaya atau *Disability Liaison Officer* (DLO) ialah kakitangan USIM yang dicadangkan oleh pusat tanggungjawab (PTJ) masing-masing dan menerima surat lantikan daripada Pengerusi JPWOKU. Peranan dan tugas DLO adalah seperti yang berikut:

- i. Menjadi tempat rujukan kepada kakitangan dan pelajar di PTJ masing-masing berkenaan Pelajar OKU.
- ii. Menjadi penghubung antara PTJ dengan UPOKU dan sebaliknya dalam perkongsian maklumat berkenaan Pelajar OKU.
- iii. Membantu Pelajar OKU untuk mendaftar di PTJ masing-masing
- iv. Mengesyorkan pendekatan dan kaedah yang terbaik tentang penyesuaian munasabah berdasarkan skop dan kemampuan PTJ masing-masing.
- v. Menguruskan kemudahan dan perkhidmatan sokongan bagi Pelajar OKU di PTJ masing-masing.

Pengerusi JPWOKU akan menghantar surat pembaharuan pelantikan sekali setiap dua (2) tahun atau mana-mana tempoh yang ditetapkan oleh JPWOKU.

8.0 KEBERTANGGUNGJAWABAN TERHADAP POLISI DAN ISU-ISU PELAJAR OKU

Kebertanggungjawaban terhadap Polisi Universiti Inklusif dan isu-isu berkaitan Pelajar OKU di dalam USIM adalah seperti berikut:

- i. Pihak USIM menerusi semua PTJ di bawahnya perlu sentiasa bersedia untuk memenuhi segala objektif dan perkara yang terdapat dalam polisi ini dan apa yang diputuskan oleh JPWOKU.

- ii. Semua PTJ yang mempunyai kaitan secara langsung atau tidak langsung dengan sistem pengajaran dan pembelajaran Pelajar di USIM berkongsi tanggungjawab yang sama untuk memenuhi hak dan keperluan serta menyediakan perkhidmatan sokongan bagi Pelajar OKU seperti yang telah termaktub dalam polisi ini.
- iii. Semua PTJ haruslah bekerjasama dalam memenuhi kesemua objektif dan perkara yang telah termaktub dalam polisi ini mengikut fungsi yang dipertanggungjawabkan.
- iv. Semua pelajar dan kakitangan berkongsi tanggungjawab yang sama untuk memastikan USIM menjadi sebuah universiti yang inklusif. Setiap pelajar dan kakitangan juga mestilah menggunakan kaedah dan saluran yang betul untuk mengutarakan isu-isu berkaitan Pelajar OKU atau persekitaran Universiti inklusif.

9.0 LANGKAH PELAKSANAAN POLISI TERHADAP PELAJAR OKU

Pelaksanaan Polisi Universiti Inklusif terhadap seseorang OKU yang hendak menjadi pelajar di USIM bermula daripada pengambilan Pelajar OKU tersebut sehinggalah pengajiannya tamat. Langkah-langkah yang terangkum dalam pelaksanaan ini adalah seperti yang berikut:

9.1 Perancangan Strategik

- i. Menyediakan perancangan strategik dan pelan tindakan jangka pendek dan jangka panjang yang komprehensif, praktikal dan boleh dilaksanakan.
- ii. Menyediakan perancangan dan pelaksanaan *Mindset Transformation Program* berasaskan pendekatan agama ke arah memperkasa peranan warga IPT dan mengupaya komuniti OKU dan dijadikan sebagai sebahagian daripada modul latihan dan kemahiran kakitangan.

9.2 Pendaftaran Pelajar OKU dengan UPOKU

Semua Pelajar OKU perlu berdaftar dengan UPOKU di BHEP supaya hak dan keperluan mereka dapat diurus dan diselia secara lancar dan berkesan. Jika perlu Pelajar OKU harus mengemukakan laporan kesihatan, penilaian jenis dan darjah ketidakupayaan, serta tahap ketidakupayaan yang dihadapi agar keperluan mereka dapat disediakan pihak yang terlibat.

9.3 Penganugerahan dan Pensijilan

Pelajar OKU tidak boleh dinafikan haknya untuk mendapat satu-satu penganugerahan atau pensijilan yang dianugerahkan oleh Universiti Sains Islam Malaysia atas alasan ketidakupayaannya.

9.4 Persekitaran mesra pelajar OKU

9.4.1 Persekitaran Fizikal

Persekitaran fizikal merupakan faktor utama yang menjadi halangan bagi pelajar OKU. Ini kerana tanpa kemudahan yang lengkap dan mesra OKU, pergerakan dan aktiviti pelajar OKU akan terbatasi. Kemudahan seperti laluan tanjakan, tandas OKU dan tempat letak kereta diperlukan bagi membantu pergerakan pelajar. Tanpa infrastruktur mesra OKU seperti susur untuk pengguna berkerusi roda dan *'tactile guiding/warning block'* iaitu penunjuk jalan bagi orang buta akan menyukarkan pergerakan komuniti OKU. Oleh itu, persekitaran fizikal merupakan elemen yang amat penting dalam memudahkan akses bagi komuniti OKU khususnya di persekitaran bangunan IPT. Ini kerana, kemudahan akses dan fasiliti mesra OKU yang tidak lengkap akan merendahkan motivasi dan semangat pelajar OKU ini untuk belajar, sekaligus akan menjejaskan prestasi pencapaian akademik mereka.

Justeru, persekitaran yang selesa dan infrastruktur mesra OKU akan membuatkan pelajar OKU lebih bermotivasi dan membantu pencapaian akademik pelajar. Antara langkah-langkah yang perlu dilaksanakan bagi menyediakan persekitaran fizikal yang mesra OKU ialah seperti berikut:

- i. Memastikan infrastruktur mematuhi *Malaysian Standard MS1184:2014* (atau yang terkini) *on Universal Design and Accessibility in the Built Environment for Persons with Disabilities – Code of Practice*, seperti yang termaktub di dalam Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (*Uniform Building by Law – UBBL*) 1984 Pindaan 1991 Seksyen 34A.
- ii. Meningkatkan kesedaran dan pengetahuan berkaitan reka bentuk sejagat.
- iii. Mengadakan pemantauan daripada pihak berkuasa dalam pembinaan infrastruktur asas yang selari dengan piawaian reka bentuk sejagat.
- iv. Membangunkan perancangan pelan induk strategik pembangunan infrastruktur.

- v. Menyediakan rancangan naik taraf jangka pendek yang bersifat menyeluruh.
- vi. Menyediakan prasarana pengangkutan awam yang mesra OKU.
- vii. Menyediakan kemudahan sukan (termasuk peralatan) dan riadah yang mesra OKU.
- viii. Menyediakan kemudahan masjid atau surau, penginapan, perpustakaan, ICT dan kemudahan-kemudahan lain yang mesra OKU.

9.4.2 Persekitaran Sosial

Terdapat lima pihak berkepentingan di pusat pendidikan tinggi yang wajar menyumbang untuk menghasilkan persekitaran sosial yang kondusif dan mesra OKU iaitu:

- i. Pengurusan atasan
- ii. Kakitangan akademik
- iii. Kakitangan pentadbiran
- iv. Pelajar
- v. Penyedia perkhidmatan dalam IPT (*in house service provider*) seperti pengusaha kantin, bank, pejabat pos dan sebagainya.

Bagi memastikan persekitaran sosial yang kondusif dapat dihasilkan, perkara-perkara berikut perlu dilaksanakan:

- i. Mengadakan program kesedaran OKU secara berkala sekurang-kurangnya setahun sekali kepada warga kampus.
- ii. Memasukkan program kesedaran OKU sebagai sebahagian daripada atur cara semasa minggu orientasi mahasiswa pada setiap sesi pengambilan.
- iii. Memasukkan program kesedaran OKU sebagai sebahagian daripada kandungan latihan induktif kepada kakitangan baru serta sedia ada.

9.4.3 Persekitaran Akademik

Bagi menjamin komuniti OKU dapat belajar dan bekerja dalam keadaan selesa, suatu mekanisma sistem sokongan bersepadu untuk pelajar OKU mengikut keperluan individu perlu dilaksanakan:

1. Pengajaran dan Pembelajaran:

- i. Mengadakan latihan asas dan lanjutan kepada semua kakitangan akademik bagi menerapkan prinsip reka bentuk sejagat bagi pembelajaran (*Universal Design in Learning*).
- ii. Mengadakan kursus induksi reka bentuk sejagat bagi pembelajaran (*Universal Design in Learning*) kepada semua kakitangan akademik yang baru.
- iii. Menyediakan video dan manual berkenaan keperluan khas pengajaran dan pembelajaran untuk rujukan kakitangan akademik.

2. Pentaksiran & Penilaian:

- i. Melatih kakitangan akademik untuk memberi penyesuaian munasabah (*reasonable accommodation*) dalam pelaksanaan ujian dan penilaian.

3. Keperluan Sewaktu Peperiksaan:

Bahagian Pengurusan Akademik USIM & juga PTJ yang terlibat perlu menyediakan peralatan dan perkhidmatan yang sewajarnya kepada Pelajar OKU agar mereka dapat menduduki peperiksaan dalam keadaan yang kondusif. Format peperiksaan dan kandungan kertas soalan, termasuklah gambar rajah, petikan tulisan, jadual dan lain-lain keperluan perlu disediakan dalam bentuk yang boleh diakses oleh Pelajar OKU berdasarkan keperluan dan permintaan yang bersesuaian dengan pelajar tersebut. Pelajar OKU berhak untuk mendapat masa tambahan ketika menduduki peperiksaan berdasarkan prosedur serta syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak USIM.

4. Peralatan dan Teknologi Pendidikan:

- i. Menyediakan kemudahan pengajaran dan pembelajaran serta penilaian mengikut keperluan individu pelajar OKU.

5. Tempoh Pengajian Pelajar:

- i. Menyediakan kemudahan tempoh pengajian yang fleksibel dan tidak ditetapkan mengikut bilangan semester atau tahun pengajian mengikut keperluan pelajar OKU berdasarkan peraturan-peraturan pengajian yang berkuatkuasa.

9.5 Alat Sokongan Peralatan dan Teknologi

Menyediakan alat sokongan peralatan dan teknologi yang bersesuaian kepada semua kategori OKU. Sebarang alat sokongan peralatan dan teknologi untuk kegunaan serta kemudahan Pelajar OKU boleh dipohon oleh Pelajar OKU itu sendiri atau mana-mana PTJ yang berkenaan. Penyediaan dan pembelian teknologi serta alat bantu tersebut mestilah melalui UPOKU dan JPWOKU. Status hak milik alat bantu yang dipohon Pelajar OKU tertakluk kepada keputusan JPWOKU, manakala teknologi dan alat bantu yang dipohon PTJ adalah hak milik USIM. Manfaat daripada teknologi dan alat bantu yang terdapat di mana-mana PTJ haruslah dapat dinikmati bersama oleh semua Pelajar OKU.

9.6 Keselamatan OKU

Pelajar OKU bertanggungjawab untuk menjaga keselamatan dirinya sendiri. Pada masa yang sama, pihak PTJ perlu memastikan persekitaran PTJ yang selamat. Pihak PTJ juga perlu merangka dan menyediakan pelan laluan keselamatan dan Prosedur Operasi Standard (*Standard Operation Procedure* (SOP)) dalam situasi yang berisiko, seperti kebakaran, kemalangan dan bencana alam.

OKU terdiri daripada pelbagai kategori seperti fizikal, pembelajaran, pendengaran, penglihatan, pertuturan, mental dan pelbagai. Ketika situasi kecemasan, OKU merupakan komuniti yang amat berisiko tinggi khususnya apabila berdepan dengan cabaran yang amat sukar untuk keluar daripada tempat kecemasan dengan selamat dan cepat. Bagi memastikan OKU dapat keluar ke tempat yang selamat dalam tempoh yang singkat, kemudahan yang ada perlulah bersesuaian dengan OKU dalam pelbagai kategori.

Antara cadangan penambahbaikan ialah seperti berikut:

- i. Menambahbaik prosedur dan kemudahan berkaitan situasi kecemasan dan aspek keselamatan dengan mengambil kira keperluan OKU pelbagai kategori.

- ii. Memberi pendedahan kepada OKU tentang tindakan yang perlu diambil semasa kecemasan.

9.7 Kaunseling dan Pengurusan Emosi OKU

Situasi universiti berbeza daripada situasi di sekolah atau tempat tinggal. Perkara ini menuntut kekuatan emosi dan mental khususnya komuniti OKU. Bagi menentukan komuniti OKU tidak terganggu oleh perubahan ini, perkara-perkara berikut perlu dilaksanakan:

- i. Mengadakan akses mesra OKU kepada perkhidmatan kaunseling.
- ii. Menyediakan kaunselor yang mahir untuk mengendalikan klien OKU termasuk memberi khidmat nasihat dalam pembangunan kualiti hidup.

9.8 Pembangunan Industri, Peluang Pekerjaan dan Latihan Industri

- i. Menggalakkan pelajar OKU untuk menjalani Latihan Industri di dalam USIM.
- ii. Menjalin perkongsian pintar bersama sektor swasta untuk memberi peluang pekerjaan kepada komuniti OKU.
- iii. Menyediakan khidmat nasihat kepada majikan dari segi keperluan pelajar atau graduan OKU di tempat kerja.
- iv. Menyediakan khidmat nasihat kepada pelajar OKU dari segi pembangunan kerjaya.

9.9 Pengurusan Kesihatan

- i. Menyediakan perkhidmatan kesihatan dan pemantauan untuk pelajar OKU secara berkala.

9.10 Sistem Sokongan dan Kesukarelawanan

- i. Menggalakkan penyertaan pelajar OKU dalam badan-badan kesukarelawanan.
- ii. Menggalakkan perkongsian strategik di antara persatuan-persatuan pelajar tipikal dan kelab pelajar OKU.
- iii. Melantik individu atau kumpulan pelajar tipikal (Sekretariat Sahabat FAQEH USIM) atau OKU sebagai sistem sokongan (*buddies system*) bagi membantu pelajar OKU.

- iv. Memperuntukkan elaun khas bagi individu atau kumpulan pelajar tipikal atau OKU yang telah dilantik sebagai sistem sokongan.
- v. Menyediakan latihan khas bagi individu atau kumpulan pelajar serta OKU yang telah dilantik sebagai sistem sokongan.

10.0 PENGUCAPAN AWAM DAN PENGHEBAHAN MEDIA

Segala mesej yang disampaikan menerusi pelbagai bentuk pengucapan awam dan penghebahan media tidak boleh mengandungi unsur-unsur diskriminasi atau segregasi terhadap komuniti Pelajar OKU, sama ada secara terang-terangan atau secara terselindung, yang boleh mengganggu-gugat pembinaan persekitaran dan imej Universiti inklusif. Selain itu, segala mesej untuk kepentingan warga kampus hendaklah turut boleh diakses oleh Pelajar OKU dalam pelbagai format dan mengikut masa terkini.

11.0 KAJIAN TENTANG PELAJAR OKU

Para penyelidik yang ingin menjalankan kajian tentang Pelajar OKU atau melibatkan Pelajar OKU (sebagai responden atau sampel kajian) harus mendapatkan konsultasi daripada pihak UPOKU. Penyelidik-penyelidik perlu mematuhi setiap etika penyelidikan di samping menggunakan kaedah dan pendekatan yang disarankan dalam perundingan tersebut. Setiap penyelidik juga harus memberikan satu salinan hasil kajian mereka kepada UPOKU supaya maklumat tersebut dapat dimanfaatkan secara bersama.

12.0 PINDAAN DAN PENAMBAHAN PERKARA DALAM POLISI

Pindaan mana-mana perkara dalam polisi dan/atau penambahan sesuatu perkara ke dalam polisi ini hanya boleh dibuat setelah mendapat persetujuan Ahli-ahli JPWOKU. Segala pindaan dan/atau penambahan dalam polisi perlu dimaklumkan kepada semua pihak di dalam USIM, sama ada melalui medium cetakan atau elektronik.

13.0 TARIKH KUATKUASA

Tarikh kuatkuasa pemakaian Polisi Universiti Inklusif Pelajar OKU Universiti Sains Islam Malaysia adalah mulai 31 Mac 2020 (kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 11/2020).

14.0 PENUTUP

Akses kepada pendidikan tinggi merupakan hak asasi semua warganegara Malaysia, termasuk pelajar OKU. Kegagalan menyediakan kemudahan dan infrastruktur asas untuk menghasilkan persekitaran pembelajaran yang kondusif bagi pelajar OKU merupakan suatu bentuk diskriminasi yang tidak seharusnya wujud di negara ini. Malaysia telah mengiktiraf hak pendidikan komuniti OKU selaras dengan *United Nations Convention on the Rights of Persons with Disabilities* (UNCRPD) dan beberapa perjanjian antarabangsa yang diperakui oleh kerajaan Malaysia.

Sebagai seorang insan, setiap pelajar OKU mempunyai perasaan dan cita-cita yang sama dengan pelajar lain untuk mempunyai kerjaya dan kehidupan yang baik. Pengambilan pelajar OKU untuk melanjutkan pengajian di IPT akan memberi peluang pendidikan yang sama rata dengan individu lain supaya mereka tidak berasa tersisih daripada arus pembelajaran nasional. Kejayaan pelaksanaan Pendidikan Inklusif bukan hanya bergantung kepada kesedaran dan kefahaman terhadap keperluan pelajar OKU, tetapi juga memerlukan perasaan empati yang tinggi terutama di kalangan pentadbiran tertinggi IPT yang bertanggungjawab merangka pelan pembangunan pendidikan inklusif (*Disability Inclusion Blueprint*) di IPT masing-masing. Pelan pembangunan tersebut perlu mengambilkira langkah-langkah penyelesaian daripada pelbagai halangan merangkumi halangan fizikal, informasi/komunikasi, halangan sistemik/organisasi dan halangan sikap, yang merupakan halangan terbesar bagi pelajar OKU menikmati pendidikan inklusif dalam ertikata sebenar.

Sebagai sebuah negara yang mengutamakan *International Best Practice* dalam sistem pendidikan inklusif, semua IPT di Malaysia perlu menggunakan *International Best Practice* dalam merangka, menggubal dan melaksanakan segala pelan tindakan berkaitan pendidikan inklusif. Semoga garis panduan ini dapat membantu Universiti merangka dan melaksanakan persekitaran dan komuniti kampus yang inklusif bagi OKU.

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut sila hubungi:

Unit Pelajar Orang Kurang Upaya (UPOKU)

Bahagian Hal Ehwal Pelajar

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

Tel : 06-7986160/ 6151

Faks : 06-7986154

Emel : *info.bhep@usim.edu.my*